

# Keputusan demi pertahanan kebenaran - Firdaus Wong

**KUALA LUMPUR 22 Ogos** - Pendirian Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad bahawa penceramah antarabangsa, Dr. Zakir Naik tidak akan dihantar pulang ke India telah melegakan pendakwah, Firdaus Wong Wai Hung.

Beliau yang merupakan anak murid Zakir menyifatkan pendirian Dr. Mahathir itu sebagai keputusan untuk mempertahankan kebenaran dan bukannya mempertahankan mana-mana individu.

"Alhamdulillah, itulah yang seharusnya untuk mempertahankan kebenaran, isunya bukanlah untuk mempertahankan individu, ia lebih kepada mempertahankan kebenaran. Andai kata ada sahabat kita daripada bukan Muslim yang dizalimi, juga akan kita pertahankan.

"Kita pertahankan kebenaran dan prinsip, bukannya individu cuma kali ini dengan kehendak Allah isunya adalah mengenai Dr. Zakir maka orang nampak kita seolah-olah taksab tapi sebenarnya tidak," katanya ketika dihubungi *Utusan*

*Malaysia* di sini hari ini.

Dr. Mahathir hari ini menjelaskan, beliau buat masa ini tetap dengan pendirian untuk tidak menghantar Zakir pulang ke India.

Sementara itu, Firdaus berharap ahli-ahli politik di negara ini dapat menghormati pendirian dan keputusan Dr. Mahathir dalam isu Zakir ini.

Seorang lagi anak didik Zakir, **Muhammad Zamri Vinoth Kalimuthu** mengucapkan ribuan terima kasih kepada

Perdana Menteri yang sentiasa bersama mempertahankan Zakir.

Katanya, beliau berharap tidak ada lagi pihak yang membuat provokasi dalam isu Zakir ini.

"Saya menggesa segelintir menteri serta pemimpin dalam Pakatan Harapan (PH) yang mendesak Zakir pulang ke India sebelum ini supaya patuh dengan pendirian Dr. Mahathir.

"Mereka yang mendesak Zakir dihantar pulang sebelum ini perlu menerima secara terbuka keputusan ini," katanya.



**FIRDAUS WONG  
WAI HUNG**